

SOALAN NO.: 66

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**PERTANYAAN : LISAN****DARIPADA : DATUK ROZMAN BIN ISLI [LABUAN]****TARIKH : 8 OGOS 2017 [SELASA]****SOALAN :**

Datuk Datuk Rozman Bin Isli [Labuan] minta MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI menyatakan statistik terkini hasil tanaman kenaf bagi tujuan komersial sejak 2010 serta sejauh manakah tanaman ini dapat dijadikan sebagai tanaman komoditi utama negara yang mempunyai kegunaan biokomposit.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penanaman kenaf secara komersial telah dilaksanakan mulai tahun 2010 dengan keluasan sebanyak 1,693 hektar dan bilangan pekebun kecil yang terlibat seramai 409 orang. Pada tahun 2016, seluas 2,502 hektar kawasan telah diusahakan dengan melibatkan 1,086 penanam. Peningkatan keluasan tanaman sebanyak 21.2% berbanding tahun 2010 disebabkan oleh penambahan kawasan tanaman baharu dan aktiviti pengembangan yang dijalankan secara berterusan. Pada tahun 2016, nilai jualan kenaf di pasaran tempatan dan eksport telah meningkat kepada RM1.68 juta berbanding RM1.1 juta pada tahun 2015. Peningkatan ini disokong oleh pengeksportan produk kenaf ke China dan Thailand selain didorong oleh pasaran tempatan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, pada masa ini sebanyak 5 syarikat telah mengeluarkan produk kenaf untuk industri biokomposit seperti *decking*, *wall panelling*, *skirting* serta produk *bio-degradable utensil* yang mesra alam. Ini membuktikan bahawa kenaf mempunyai potensi komersial yang besar bagi kegunaan industri biokomposit di Malaysia.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN LIM KIT SIANG
[GELANG PATAH]**

TARIKH : 8 OGOS 2017 (SELASA)

SOALAN : 67

Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan bagaimana kedudukan Pelabuhan Tanjung Pelepas di Gelang Patah akan terjejas apabila pelabuhan-pelabuhan gergasi baru yang dirancang di Melaka (Malacca Gateway Port, Linggi Port), Selangor (Pulau Carey Port) dan Perak (Bagan Datuk Port) siap dibina pada masa depan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pelabuhan Tanjung Pelepas merupakan pelabuhan sepenuhnya mengendalikan kontena sebagai perkhidmatan utama yang mana sebanyak 95% pengendalian kargo adalah merupakan *transshipment* dan 5% adalah import dan eksport. Pada masa yang sama, Pelabuhan Tanjung Pelepas merupakan salah sebuah terminal paling sibuk di Malaysia dan berdasarkan statistik "*World Top 50 Container Ports*" yang dikeluarkan oleh *World Shipping Council* pada tahun 2016, Pelabuhan Tanjung Pelepas menduduki tempat ke-19 tersibuk di dunia berdasarkan kepada jumlah pengendalian kontena iaitu sebanyak 129,341,938.50 FWT (*freight weight tonnes*) atau 8,280,710.00 TEU's (*twenty-foot equivalent unit*).

Pelabuhan Tanjung Pelepas telahpun mempunyai pelan induk perancangan pembangunan yang merangkumi pembesaran pelabuhan serta pemodenan infrastruktur bagi meningkatkan kapasiti pelabuhan dan memenuhi keperluan semasa perdagangan global. Mengikut pelan induk pembangunan Pelabuhan Tanjung Pelepas, pelabuhan tersebut dibangunkan dalam 5 fasa di mana Fasa 1 dan Fasa 2 telahpun siap sepenuhnya pada 2000 dan awal 2014 masing-masing.

Pelabuhan Tanjung Pelepas sedang dalam perancangan untuk membuat pembangunan Fasa 3A di mana 3 lagi dermaga akan dibangunkan sepanjang 1.5 km bagi membolehkan penyediaan kapasiti keseluruhan sebanyak 4.5 juta TEU setahun. Untuk jangka masa panjang, pelan perancangan PTP adalah untuk terus

membangunkan Fasa 3B sehingga Fasa 3D sepanjang 4.5 km di persisiran laluan pelayaran. Jumlah keseluruhan kapasiti apabila seluruh Fasa 3 siap nanti adalah sebanyak 46.5 juta TEU.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, mana-mana pelabuhan baru yang dibangunkan dilihat tidak memberi impak negatif kepada Pelabuhan Tanjung Pelepas kerana mana-mana pelabuhan yang wujud akan menjadi pelengkap kepada hub *transshipment* pengendalian kargo iaitu Pelabuhan Tanjung Pelepas.